

05/09/1998

Rakyat perlu yakini keputusan

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu rakyat menaruh kepercayaan kepada pucuk pimpinan Umno walaupun ia membuat keputusan mempromotkan dengan memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai ahli parti.

Bekas Naib Presiden Umno itu menyifatkan apa yang berlaku terhadap Anwar adalah satu masalah politik yang perlu diselesaikan secara politik.

"Saya ingin merakamkan rasa sedih atas apa yang berlaku terhadap Anwar. Kejadian ini memanglah amat mendukacitakan. Sebagai seorang sahabat, saya turut berasa sedih.

"Tetapi apa juga keputusan yang diambil pucuk pimpinan parti, dibuat selepas semua pertimbangan diambil kira. Kita sokong apa saja tindakan yang perlu atas nama kepentingan negara dan kita perlu bersama pucuk pimpinan dalam menghadapi isu ini.

"Walaupun ia keputusan menyedihkan dan tidak diduga, sebagai orang Islam kita patut menerima keadaan ini sebagai takdir," katanya mengulas pelucutan Anwar daripada Kabinet dan pemecatannya sebagai ahli Umno.

Muhyiddin turut menolak anggapan bahawa beliau adalah 'orang' Anwar, sebaliknya menegaskan, beliau serta ahli-ahli Umno Johor menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Itu adalah gambaran yang dicipta (sebagai orang Anwar). Pada masa yang sama, selama ini saya adalah orang Dr Mahathir.

"Masalahnya ialah orang selalu membuat andaian. Tetapi saya adalah sahabat (Anwar), tetapi sahabat ada dua jenis sahabat zaman senang dan zaman susah... ia biasa berlaku dalam politik," katanya.

Mengenai dakwaan Anwar wujud konspirasi politik peringkat tertinggi dalam usaha menjatuhkannya, Muhyiddin berkata bekas Timbalan Perdana Menteri itu boleh menggunakan saluran perundangan bagi menangani perkara itu.

"Seperti yang disebut Perdana Menteri, beliau (Anwar) boleh membela diri melalui sistem undang-undang di negara ini, sekiranya berasakan berlaku ketidakadilan," katanya.

(END)